

# Isu Hospital Serdang masih dibincang

KUALA LUMPUR 9 Mei - Isu pengambilalihan Hospital Serdang yang dibangkitkan oleh Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia (UPM) kini masih di peringkat perbincangan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, dua kementerian yang terlibat memperincikan butiran mengenai pengambilalihan tersebut adalah Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

“Perbincangan ini melibatkan dua kementerian dan itu merupakan prosedur yang perlu dilakukan kerajaan sebelum mengambil sebarang kata putus kerana ia melibatkan fasiliti dan aset kerajaan,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas desakan Kesatuan Kakitangan Am UPM supaya menyerahkan urusan pentadbiran dan pengurusan Hospital Serdang kepada pihak universiti.

Presidennya, Mohd. Zailani Abd. Razak berkata, langkah itu perlu bagi menjadikan hospital berkenaan sebagai pusat pembelajaran kepada kira-kira 1,500 pelajar jurusan sains kesihatan dan perubatan UPM.